

Bil. (38) dlm. P.Kew.N.Pk.D.R. 50/1/4-3



KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BIL. 1 TAHUN 2017**

Semua Pegawai Pengawal,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**PENETAPAN KADAR BAGI JAMUAN, PENGACARA MAJLIS DAN PEMBACA DOA
MERANGKAP PEMBACA AYAT-AYAT AL-QURAN SEMPENA MAJLIS-MAJLIS
RASMI DAN KERAIAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Jabatan/Agensi berhubung kadar siling bagi jamuan, Pengacara Majlis dan Pembaca Doa merangkap Pembaca Ayat-Ayat Al-Quran sempena majlis-majlis rasmi dan keraian Negeri Perak Darul Ridzuan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri melalui Pekeliling Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 1 Tahun 2017 telah menetapkan kadar jamuan bagi mesyuarat, kursus, seminar, bengkel dan majlis rasmi kerajaan adalah **tidak melebihi** daripada kadar berikut:

i)	Minum Pagi	-	RM4.00
ii)	Makan Tengah hari	-	RM10.00
iii)	Minum Petang	-	RM4.00
iv)	Makan Malam	-	RM10.00

3. Walau bagaimanapun, tiada garis panduan/penetapan kadar khusus bagi majlis-majlis rasmi/keraian negeri yang melibatkan DYMM Paduka Seri Sultan/DYTM Raja Muda/DYAM Raja Dihilir dan YAB Menteri Besar Perak/YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

4. Ini menyebabkan, kadar jamuan yang dipohon oleh Jabatan/Agensi yang menganjurkan majlis/keraian yang melibatkan kenamaan di atas tidak seragam dan menyebabkan perbelanjaan yang tidak berhemat.

5. Selain itu, tiada kadar khusus yang ditetapkan bagi Pengacara Majlis dan juga Pembaca Doa merangkap Pembaca Ayat-Ayat Al-Quran untuk mana-mana majlis rasmi dan keraian negeri.

PENETAPAN KADAR SILING BAGI JAMUAN DAN PENGACARA MAJLIS SERTA PEMBACA DOA MERANGKAP PEMBACA AYAT-AYAT AL-QURAN SEMPENA MAJLIS-MAJLIS RASMI DAN KERAIAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

6. Berikut merupakan penetapan kadar siling bagi jamuan, Pengacara Majlis dan Pembaca Doa merangkap Pembaca Ayat-Ayat Al-Quran bagi majlis-majlis rasmi dan keraian Negeri Perak Darul Ridzuan:

**A) Majlis-Majlis Rasmi / Keraian Negeri Yang Melibatkan
DYMM Paduka Seri Sultan / DYTEM Raja Muda / DYAM Raja Dihilir**

Bil.	Perkara	Kadar Makan	
		Minum Pagi/ Minum Petang/ Minum Malam	Makan Tengahari/ Makan Malam
1.	Meja Utama	Tidak melebihi RM80.00	Tidak melebihi RM120.00
2.	Tetamu VIP	Tidak melebihi RM60.00	Tidak melebihi RM80.00
3.	Tetamu Biasa	Tidak melebihi RM30.00	Tidak melebihi RM40.00

**B) Majlis-Majlis Rasmi / Keraian Negeri Yang Melibatkan
YAB Menteri Besar / YB Setiausaha Kerajaan Negeri**

Bil.	Perkara	Kadar Makan	
		Minum Pagi/ Minum Petang/ Minum Malam	Makan Tengahari/ Makan Malam
1.	Tetamu VIP	Tidak melebihi RM20.00	Tidak melebihi RM50.00
2.	Tetamu Biasa	Tidak melebihi RM15.00	Tidak melebihi RM30.00

C) Kadar Bayaran Pengacara Majlis dan Pembaca Doa Merangkap Pembaca Ayat-Ayat Al-Quran

Bil.	Perkara	Pengacara Majlis	Pembaca Doa Merangkap Pembaca Ayat Al-Quran
1.	Majlis-Majlis Rasmi / Keraian Negeri yang melibatkan DYMM Paduka Seri Sultan / DYTM Raja Muda / DYAM Raja Dihilir	RM250.00 seorang	RM150.00 seorang
2.	Majlis-Majlis Rasmi / Keraian Negeri yang melibatkan YAB Menteri Besar Perak / YB Setiausaha Kerajaan Negeri	RM200.00 seorang	RM150.00 seorang

7. Jabatan/Agensi penganjur seboleh-bolehnya diminta untuk menggunakan hanya satu (1) orang Pengacara Majlis sahaja kecuali bagi majlis-majlis yang melibatkan tempoh pengacaraan yang panjang sahaja.

8. Jabatan/Agensi hendaklah memastikan perbelanjaan dilaksanakan mengikut prinsip perbelanjaan berhemat dan “*best value for money*” untuk mengelakkan pembaziran.

9. Kadar siling yang ditetapkan seperti di atas adalah sebagai garis panduan kepada Jabatan/Agensi dalam melaksana dan menganjurkan sesuatu majlis-majlis rasmi/keraian negeri. Walau bagaimanapun, perbelanjaan bagi tujuan tersebut sama ada sepertimana kadar yang telah ditetapkan atau melebihi kadar yang telah ditetapkan (sekiranya perlu) hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

TARIKH KUAT KUASA

10. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHD GAZALI BIN JALAL)

Pegawai Kewangan Negeri

Perak Darul Ridzuan

Tarikh : 20 April 2017